



TEKS UCAPAN
**MAJLIS PERASMIAN KONVENSYEN
MARI BELAJAR PERINGKAT NEGERI
MELAKA 2008**

**YG. BERBAHAGIA DATO' MOHAMMAD IZAT HASAN
KETUA PENGARAH RISDA
MEWAKILI YB MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

DEWAN 1001 GELANGGANG
KG.SETIA, KUANG, SELANGOR
26 JULAI 2008
3.00 PETANG

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berhormat Abdul Shukor bin Idrus
Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Kuang

Tn. Hj. Nasarudin bin Malek
Pengarah RISDA Negeri Selangor merangkap Pengerusi Jawatan
kuasa Berkembar Negeri Selangor

En. Isa bin Hj. Mohd. Yunos
Pengerusi JKKKP Kg. Setia Kuang merangkap Pengerusi
Bersama Jawatan kuasa Berkembar Konvensyen peringkat
Kampung

En. Malique bin Abdul Razak
Wakil KKLW

Ketua-Ketua Jabatan KEMAS, FELCRA, JHEOA, JAIS, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan Bomba

Pengetua –Pengetua SekolahSekolah

dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan penduduk Kg. Setia, Kuang yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

1.0 PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, sekali lagi dapat kita berkumpul pada hari ini untuk Majlis Perasmian Konvensyen Mari Belajar 2 jam 3 jam peringkat Kampung Negeri Selangor 2008. Saya berharap Dato'2,

3

Tuan-tuan dan Puan-puan dalam keadaan sihat walafiat dan sentiasa dilindungi oleh Allah SWT dalam usaha kita untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab kita. Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan salam daripada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Muhammad bin Muhammad Taib, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang tidak dapat hadir pada hari ini kerana mempunyai agenda rasmi kerajaan yang lain. YB Menteri mengucapkan ribuan terima kasih kepada penduduk Kg. Setia ini kerana sudi menjemput beliau untuk merasmikan Konvensyen Mari Belajar 2 jam 3 jam peringkat kampung ini.

4

Setinggi penghargaan dan tahniah kepada Jawatankuasa Induk Konvensyen khususnya YB Abdul Shukor bin Idrus, ADUN Kuang, Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi-Agensi serta JKKKP Kg. Setia, Kuang kerana mengaturkan satu Majlis ilmu seumpama ini yang begitu berfaedah kepada masyarakat luar bandar di lapangan yang menjadi kumpulan sasar Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Ini selaras dengan hasrat kerajaan yang mahukan rakyat berilmu, berpengetahuan dan berwawasan untuk meneruskan pembangunan Negara ke puncak kejayaan.

2.0 TAHNIAH KEPADA PENDUDUK KG. SETIA

Saya mengucapkan tahniah kepada Kg. Setia, Kuang yang terpilih sebagai Kampung perintis di seluruh Malaysia untuk Program Konvensyen Mari Belajar ini. Kumpulan sasaran terdiri daripada ibubapa dan pelajar-pelajar UPSR, PMR, SPM dan STPM. Program ini melibatkan kerjasama pelbagai pihak iaitu RISDA, KEMAS, FELCRA, JHEOA, JAIS, Jabatan Pendidikan serta JKKKP Kg.Setia Kuang.

3.0 JANGAN DENGAR KHABAR ANGIN

Pada masa sekarang, macam-macam khabar angin yang kita dengar berkaitan dengan kerajaan kita oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Nasihat saya kepada Tuan-tuan dan Puan-puan, janganlah percaya terus khabar-khbar angin ini, semak dahulu dengan agensi rasmi kerajaan, Pejabat DO ataupun Jabatan-jabatan kerajaan yang berkaitan untuk mendapatkan kesahihan berita tersebut.

7

4.0 SOKONGAN KEPADA JKKKP

Tuan-tuan dan Puan-puan sebagai ibu bapa mestilah berfikiran terbuka dan perlu memberi sokongan padu kepada JKKK Persekutuan yang di lantik oleh Kerajaan Persekutuan. Tujuan utamanya adalah untuk membantu dan menjaga kepentingan orang-orang Melayu. Tidak pula saya minta Tuan-tuan dan Puan-puan tidak menyokong JKKK negeri yang ada, sokong keduanya sekali. Untuk mendapatkan projek-projek Persekutuan, Tuan-tuan dan puan-puan boleh menghubungi JKKKP dan untuk projek kerajaan negeri, hubungi JKKK negeri.

8

5.0 MATLAMAT KONVENSYEN

Untuk makluman Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian, Konvensyen ini bermatlamat untuk:

- a. Memupuk kesedaran, meluaskan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran ibu bapa luar bandar untuk menjadi fasilitator pembelajaran anak-anak di rumah.

- b. Mewujudkan institusi keluarga yang utuh sebagai platform pencegahan gejala sosial dan perunding kerjaya anak-anak setelah tamat pendidikan formal peringkat menengah.

9

Dalam program ini, ibu bapa akan di latih bagaimana mereka boleh berperanan sebagai Jurulatih, Pemudahcara dan Pemantau anak-anak untuk belajar supaya mendapat keputusan cemerlang.

6.0 FALSAFAH DAN STRATEGI BARU PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

- Dua daripada tujuh inisiatif teras halatuju KKLW di bawah Falasafah dan Strategi baru Pembangunan Luar Bandar dalam RMK9 adalah (i) membangunkan manusia cemerlang dan (ii) membangunkan keluarga sejahtera.

- **Membangunkan manusia cemerlang** bermakna menambah keupayaan berfikir seseorang itu supaya

memiliki minda kelas pertama. Usaha ini mesti disokong dengan pendekatan:

- i) membina prasarana asas seperti jalanraya yang baik, bekalan elektrik dan bekalan air untuk kemudahan penduduk kampung termasuk memudahkan anak-anak belajar atau ke sekolah. (RM5.89 bilion disediakan bawah RMK9)
- ii) bagi keluarga miskin yang tiada rumah sempurna, perlu dibina rumah yang selesa atau dibaikpulih rumah yang ada. (RM25 juta disediakan dalam tahun 2008)

11

- iii) merapatkan jurang digital. Kampung-kampung akan disediakan kemudahan ICT dan komputer di bawah Medan Infodesa. (RM98 juta disediakan di bawah RMK9)

- **Membangunkan keluarga sejahtera** pula bermakna meningkatkan pendapatan keluarga, membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan kadar kemiskinan serta mempergiatkan pembangunan modal insan. Usaha ini disokong dengan pendekatan:

- (i) membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan kemiskinan (RM992 juta disediakan di bawah RMK9)

12

- (ii) mempertingkatkan pembangunan modal insan (RM805 juta disediakan bawah RMK9. Pelaksana utama KEMAS, Gerakan Daya Wawasan dan Institut Kemajuan Desa (INFRA))
- (iii) menambah aktiviti ekonomi dan industry luar bandar (RM229 juta disediakan bawah RMK9)

8.0 PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pihak kerajaan telah melihat bahawa salah satu faktor yang menjadi penyumbang utama terhadap kesejahteraan dan pembangunan keluarga masyarakat luar bandar adalah elemen pendidikan yang berterusan. Kementerian Luar Bandar dan Wilayah sentiasa perihatin dalam usaha untuk membangunkan modal insan masyarakat luar bandar. Oleh yang demikian Kementerian telah menyahut seruan kerajaan yang ingin membangunkan masyarakat luar bandar melalui saluran pendidikan bagi membentuk dan mewujudkan masyarakat luar bandar yang berjaya. Bukan setakat pelajaran anak sahaja,

bahkan kita juga perlu sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan supaya dapat berdaya saing dan berdaya tahan dalam zaman globalisasi yang kian mencabar ini. Pendidikan adalah pintu kepada dunia dan kunci kepada kehidupan, ketamadunan serta kekuatan bangsanya. Apa yang kita lakukan atau tidak lakukan akan menentukan masa depan kita. Segala usaha gigih hari ini akan menentukan nasib dan corak kehidupan anak-anak kita di masa hadapan. Bak kata pepatah 'Membentuk buluh, biarlah dari rebungnya'.

- Di bawah Program Pembangunan Modal Insan, KEMAS menasaskan menyiapkan infrastruktur untuk memberikan pendidikan kepada 40,000 kanak-kanak Tadika dan Tabika

15

di bawah RMK9. Ini melibatkan pembinaan 648 tadika baru sehingga 2010. Sejak tahun 2006 sehingga 2008, KEMAS telah menyiapkan infrastruktur tadika dan tabika untuk 14,980 kanak-kanak.

- INFRA menasaskan memberikan latihan kemahiran dalam pengurusan kampung kepada 56,000 orang JKKK sepanjang RMK9. Untuk tahun 2006 hingga 2008 saja, INFRA menasaskan melatih 15,785 JKKK dan jumlah ini akan digandakan kepada 24,000 JKKK antara tahun 2009 hingga 2010.
- RISDA juga telah melebarkan sayap bukan sekadar menambah pendapatan pekebun kecil tetapi juga menjadi agensi pembangunan minda anak-anak pekebun (generasi

16

kedua) untuk melahirkan pemimpin-pemimpin masa depan. Bagi RISDA, pembangunan ahli isi rumah perlu di beri penekanan sebagai jaminan untuk meningkatkan pendapatan keluarga serta taraf hidup masyarakat pekebun kecil dan luar bandar. Ini dilaksanakan dengan penubuhan **Institut Kemajuan Pekebun Kecil (IKPK) di Perak, Pahang dan Kelantan, RISTEC di Port Dickson dan Kolej RISDA di Melaka.** Kursus-kursus **teknikal dan pemasaran** dijalankan di IKPK manakala **Kursus Bina Insan, keusahawanan dan Kemahiran** dijalankan di RISTEC, Port Dickson. Bagi latihan pekebun kecil , sejumlah **RM 3 juta** di

17

peruntukan bagi latihan di IKPK. Pada tahun ini setakat Jun 2008, sebanyak **217 kursus** telah dijalankan oleh Bahagian Latihan RISDA melibatkan seramai **4887 orang** peserta.

Selain daripada itu, sejumlah **RM 5.055 juta** disalurkan oleh KKLW kepada RISDA dibawah Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Kecemerlangan Pelajar (PKP) dan Program Pembangunan Minda Insan (PPMI) untuk anak-anak pekebun kecil miskin.

- Sabda Rasulullah saw: “ Tuntutlah ilmu walaupun ke Negeri Cina”.

18

9.0 TOWERING PERSONALITY

Program Mari Belajar ini tidak harus dilihat sebagai hanya satu program pendidikan. Ibubapa mesti melihat program Mari Belajar ini sebagai satu jihad ilmu, satu fardhu kifayah untuk membentuk satu gelombang kedua (second leap) bagi melahirkan anak-anak berfikiran dunia pertama. Anggaphlah ini satu hijrah untuk menaikkan taraf pendidikan anak-anak supaya cintakan ilmu.

- Kualiti rakyat mentaliti dunia pertama ada perbezaan dengan kualiti mentaliti kelas kedua, kelas ketiga dan sebagainya.
- Ciri-ciri mentaliti kelas pertama: Suka mencari ilmu (mencari ilmu dianggap hobi); aktif mencari ilmu-ilmu baru untuk dikembangkan kepada diri sendiri, masyarakat dan Negara; tindakan kepada sesuatu isu lebih berbentuk proaktif; jika

19

mengkritik lebih berbentuk konstruktif, kritikal dan kreatif; sentiasa peka dan prihatin kepada isu-isu negara

- Ciri-ciri mentaliti kelas kedua: Suka mencari ilmu tetapi hanya untuk diri sendiri; tindakan kepada sesuatu isu sekadar aktif; jika mengkritik tidak mempunyai hujah; sekadar ambil berat saja kepada isu-isu Negara
- Ciri-ciri mentaliti bukan kelas pertama: Hanya pendengar ilmu atau lesu mencari ilmu; tindakan kepada sesuatu isu lebih berbentuk reaktif atau pasif; jika mengkritik lebih banyak bersifat pengampu atau hanya senyap; tindakan kepada sesuatu isu pasif; sekadar bertindak ambil tahu atau tidak kisah terhadap isu-isu negara

20

- Budaya keilmuan sangat mustahak untuk membentuk bangsa-bangsa yang Berjaya. Analisis ke atas rahsia bangsa-bangsa agung seperti Jepun, Yahudi, masyarakat Cina dan sebagainya mendapati mereka mempunyai budaya keilmuan yang berciri:

- (i) Suka meneroka bidang baru
- (ii) Mengamalkan sepenuhnya budaya penyelidikan dan pembangunan
- (iii) Suka menganalisis dan membuat rumusan atas sesuatu pembaharuan atau inovasi yang dibuat oleh bangsa lain yang lebih Berjaya

21

- (iv) Mempunyai matlamat yang jelas
- (v) Mempelajari ilmu dengan pemikiran terbuka
- (vi) Pintar mengambil pengajaran dari kejayaan bangsa lain

10.HARAPAN KEMENTERIAN

Harap semua JKKKP akan menjadikan inisiatif Membina Manusia Cemerlang dan Membina Keluarga Sejahtera (dua teras KKLW) sebagai intipati pembangunan untuk melahirkan kampung-kampung yang bukan saja cantik dari segi fizikal dan lengkap infrastuktur tetapi juga mempunyai manusia-manusia

22

berpendidikan; keluarga yang ambil tahu jiran sebelah; dan menghidupkan semula amalan gotong royong

- YAB Perdana Menteri (dalam ucapan di PWTC dua tahun lepas) mencabar setiap keluarga Melayu melahirkan tiga professional bagi setiap keluarga, iaitu doktor, jurutera dan peguam. JKKK dan JKKKP wajar menjadikan cabaran ini sebagai amanah yang perlu dipenuhi
- Syorkan JKKK dan JKKKP menubuhkan Majlis Permuafakatan Profesional Kampung dengan mengenalpasti anak-anak kampung yang sudah Berjaya menjadi professional dan diajak balik ke kampung setiap bulan untuk memberikan panduan dan ceramah kepada lelasan sekolah

23

mengenai kerjaya supaya lelasan sekolah boleh belajar dari kejayaan mereka.

11.0 PENUTUP

Akhir kata, sekali lagi saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jawatankuasa Induk Konvensyen di atas usaha yang amat murni ini, moga-moga diberkati Allah S.W.T. Juga kepada YB Dato' Abdul Shukor bin Idrus, ADUN Kuang, En Isa bin Hj. Mohd. Yunos, Pengerusi JKKKP Kg. Setia Kuang serta Ahli JKKKP Kg. Setia, Kuang. Ucapan terima kasih juga kepada En. Nasarudin bin Malek,

24

Pengarah RISDA negeri Selangor serta semua Ketua-Ketua Jabatan atas sokongan dan kerjasama yang telah diberikan. Semoga Majlis ini memberi manfaat yang sepenuhnya kepada masyarakat luar bandar khususnya penduduk Kg.Setia ini untuk lebih maju lagi di masa hadapan. Saya mendoakan agar Tuan-tuan dan Puan akan terus maju dan meningkatkan pengetahuan dan akan mempraktikkan apa yang diperolehi dalam konvensyen ini. Azam dan kerjasama dari semua akan dapat menjayakan aktiviti pembangunan luar bandar dan semoga Tuan-tuan dan puan-puan akan terus cemerlang dalam mengharungi kehidupan yang lebih sejahtera.

25

Dengan kata-kata ini dan dengan lafaz '**Bismillahirrahmanirrahim**' saya bagi pihak Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Muhammad bin Muhammad Taib, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, merasmikan **Konvensyen Mari Belajar 2 Jam 3 Jam Peringkat Kampung Negeri Selangor 2008.**

Sekian. Wabillahi taufik Walhidayah Wsb.

26